

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Perniagaan/ Syarikat/ Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang berpengalaman dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang yang ditetapkan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk:

NO. SEBUT HARGA	BUTIRAN SEBUT HARGA	SYARAT - SYARAT KELAYAKAN	TARIKH PELAWAAN	TARIKH TUTUP	PETI SEBUT HARGA
3/2025	Perkhidmatan Audio & Visual Untuk Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC2025)	a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan b) Mempunyai pengalaman mengendalikan persidangan secara hibrid; dan c) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang berikut: i 221304 Perkhidmatan/Kesenian, Hiburan dan Pelancongan/Audio Visual; atau ii 221511 Perkhidmatan/Penyewaan dan Pengurusan/ P.A Sistem dan Alat Muzik; atau iii 222001 Perkhidmatan/Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus dan Harta Intelek/Media Elektronik (Tidak termasuk kerja percetakan)	24.3.2025	7.4.2025 12.00 tengah hari	Peti A Tingkat 25, Menara SSM@Sentral

- Dokumen sebut harga berbentuk **salinan lembut** (soft copy) boleh didapati secara percuma dengan mengemukakan permohonan kepada e-perolehan@ssm.com.my bermula 24 Mac 2025 sehingga 3 April 2025. Hanya penyebut harga yang **LAYAK** akan menerima kata laluan atau pautan muat turun melalui e-mel bagi muat turun dokumen sebut harga tersebut.
- Dokumen tawaran sebut harga perlu dikemukakan dalam bentuk **salinan keras** (hard copy) dan perlu dihantar secara serahan tangan/ dimasukkan kedalam peti sebut harga di alamat Peti A, Seksyen Pengurusan Perolehan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Tingkat 25, Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur. Dokumen tawaran yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan nombor sebut harga berkenaan pada sebelah atas kanan sampul. Penyebut harga dinasihatkan supaya sentiasa merujuk laman portal SSM untuk mengetahui sekiranya terdapat perubahan atau ralat terkini.

Dikeluarkan oleh:
Unit Operasi Perolehan
Seksyen Pengurusan Perolehan
Bahagian Pentadbiran, Perolehan & Prasarana
Suruhanjaya Syarikat Malaysia